

SENI & BUDAYA

SENI ORANG ASLI TERANCAM KERANA PEMBANGUNAN TANAH

Pengumpulan bahan-bahan dalam bentuk tulisan dan manuskrip perlu dibuat selain cerita-cerita penglipur lara yang disampaikan daripada mulut ke mulut dikumpulkan semula agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Oleh **ABD. AZIZ ITAR**
aziz.itar@utusan.com.my



SIAPA yang tidak mahu pembangunan dan kemodenan? Ini kerana, semua itu membawa kepada kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik termasuk kaum Orang Asli yang tinggal di pedalaman.

Namun, apabila berlaku penerokaan tanah untuk pembangunan dan pembalakan di kawasan komuniti Orang Asli, ia dikhuatiri akan menghanyutkan nilai-nilai seni dan budaya mereka.

Ini kerana, tanah merupakan wadah utama dalam melestarikan pelbagai sumber alam seperti tumbuh-tumbuhan, sungai, gunung-ganang, bahan-bahan galian dan makhluk-makhluk yang bernyawa.

Elemen-elemen itulah yang banyak membantu membentuk benih-benih budaya dan peradaban hidup termasuk cetusan-cetusan idea yang mampu dicerap sebagai bahan dalam kesusasteraan.

Justeru, apabila bercakap tentang Orang Asli, kepentingan kampung-kampung golongan peribumi itu dalam menyumbang kepada dunia

kesusasteraan yang tersendiri tidak boleh dipandang enteng.

Menurut pensyarah dari **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Prof. Emeritus Datuk Dr. Hood Salleh, tanah rizab untuk golongan itu amat penting dan ia perlu dipelihara oleh segenap lapisan masyarakat.

Menurut beliau, tanah serta perkampungan menjadi nadi kehidupan Orang Asli selain pada masa sama ia juga tonggak penting yang menyumbang kepada kelestarian seni serta budaya mereka.

"Tanah serta kampung banyak bersatu dalam melahirkan nilai-nilai seni dan budaya kehidupan yang halus dalam masyarakat Orang Asli sejak dari dulu lagi dan ia wajar dikekalkan.

"Arus pembangunan dan pemodenan bukan sahaja sedikit sebanyak tanpa disedari melenyapkan kampung-kampung Orang Asli tetapi juga warisan-warisan seni serta budaya mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2016 di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Seminar yang bertemakan Menyusur Akar: Antara Kelestarian Dengan Kemodenan itu dianjurkan oleh Aswara, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).



**PROF. EMERITUS
DATUK DR. HOOD
SALLEH**



**DR. SHARIFUDDIN
MOHD. YUSOF**



DATUK Rahman Shaari selaku moderator (dari kiri), A. Wahab Hamzah, Senator Isa Abdul Hamid, Mahat China dan Prof. Ir. Dr. Rizon Johari sewaktu pelancaran Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2016 di Aswara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ramai pengkaji sejarah Orang Asli, ahli akademik dan karyawan yang pernah menulis tentang budaya suku kaum itu hadir berkongsi idea dan kebingangan mereka tentang senario tersebut.

Antaranya Dr. Mohamad Lutfi Abdul Rahman dari Universiti Sains Malaysia, Dr. Sharifuddin Mohd. Yusof (Universiti Putra Malaysia) dan Sasterawan Negara, Datuk Dr. Anwar Ridhwan.

Dalam isu ini, pelbagai projek pembangunan dan aktiviti pembalakan di kampung-kampung Orang Asli sejak akhir-akhir ini boleh menyumbang kepada berlakunya kemungkinan tersebut.

Akta 134 - Akta Orang Asli yang dibuat pada 1954 dan disemak semula pada 1974 banyak menekankan tentang hak-hak dan nilai-nilai budaya kaum peribumi

itu yang harus dipertahankan.

Tanah yang berdiri di atasnya pelbagai jenis tumbuhan terutama pokok menjadi simbol yang mempunyai kaitan erat dengan rumpun Orang Asli sehingga ke akar budaya mereka.

Orang Asli yang terdiri daripada tiga suku kaum utama iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto dilihat sebagai komuniti yang amat halus jiwa dan budi pekerti mereka sejak dari dahulu lagi.

Kewujudan suku-suku kaum ini telah lama tercatat dalam sejarah, malah ia turut diakui oleh penulis Barat seperti Tome Pires dalam buku tulisannya bertajuk *The Suma Oriental* pada 1512.

"Golongan ini seperti orang Semelai yang digambarkan antara lain sebagai orang yang damai sifatnya. Mereka tidak mudah

marah dan senang diajak berunding dengan orang asing.

"Kelembutan sifat itu secara tidak langsung banyak meresap ke dalam karya-karya seni mereka seperti syair dan cerita-cerita penglipurlara yang diwarisi daripada mulut ke mulut," ujarnya.

Dr. Hood berkata, berdasarkan kajian dan sejarah orang Melayu sedikit sebanyak berkait rapat dengan masyarakat Orang Asli yang lebih lama mendiami tanah di negara ini.

Lantaran itu, terdapat banyak persamaan dalam budaya kaum Semelai yang menggunakan istilah "penon" atau "kempunan" yang digunakan oleh orang Melayu dalam soal membabitkan kepercayaan.

Istilah itu antara lain menggambarkan terdapat kepercayaan dalam kalangan mereka agar dalam sesuatu situasi "perlu dilakukan sesuatu" agar tiada perkara buruk akan berlaku.

Difahamkan terdapat 825 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang yang sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran oleh arus pembangunan.

Arus pemodenan yang turut melibatkan pembinaan banyak lebuhraya, empangan hidro elektrik dan kawasan perumahan sudah lama menjadi kerisauan banyak pihak sejak dari dulu lagi.

Penulis Barat, Favre contohnya melalui buku tulisannya, *An Account of the Wild Tribes* pada 1846 mengakui tentang kewujudan suku-suku kaum Orang Asli di negara ini.

Malah, kewujudan bahasa dan budaya Orang Asli yang pelbagai dalam melahirkan pantun, syair,

malah cerita-cerita mitos dalam masyarakat mereka banyak yang belum didedahkan.

"Dikhuatiri semua khazanah itu jika tidak dicungkil dan dibukukan secara ilmiah ia mungkin akan hilang ditelan zaman atau dihanyutkan oleh arus pembangunan yang semakin pesat.

"Ia bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi negara seperti China yang mempunyai 120 juta komuniti orang asli juga berdepan cabaran yang sama, malah ia juga berlaku di seluruh dunia," katanya lagi.

Seminar sehari yang dirasmikan Timbalan Rektor Aswara, Prof. Dr. Ir. Mohd. Rizon Juhari itu juga mengundang karyawan Orang Asli seperti Mahat China, Mariama Uda Nagu dan Rozima Simpan.

Yang turut hadir adalah Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum DBP, A. Wahab Hamzah dan Dekan Fakulti Penulisan Kreatif Aswara, Zakaria Ariffin.

Dalam konteks ini, perlu ada usaha bersepadu daripada semua pihak seperti Jakoa dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bagi menjejaki semula warisan Orang Asli.

Pengumpulan bahan-bahan dalam bentuk tulisan dan manuskrip perlu dibuat selain cerita-cerita penglipur lara yang disampaikan daripada mulut ke mulut dikumpulkan semula agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Ini kerana, jika khazanah-khazanah seni dan budaya Orang Asli ini tidak digali serta dikekalkan dalam masyarakat mereka dikhuatiri komuniti ini mungkin akan hilang identiti dan juga jati diri mereka pada masa depan.